

Penentangan tidak beri kesan

U.M. 27 MAR 1993



KUALA LUMPUR 26 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, penentangan Sultan Kelantan terhadap usaha kerajaan menghadkan imuniti raja-raja Melayu sedikitpun tidak memberi kesan kepada kesahihan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

Perdana Menteri berkata, rang undang-undang yang membawa era baru pada hubungan antara raja dan rakyat dan telah diperkenan pula oleh Yang di-Pertuan Agong tidak seharusnya dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana isu tersebut telah selesai.

Beliau mengingatkan, jika ada pihak tertentu cuba mempertikaikan kesahihan pindaan Perlembagaan Persekutuan tersebut hingga melanggar undang-undang, kerajaan akan bertindak ke atas mereka.

"Kalau sesiapa mempertikaikan pindaan itu, kalau dia buat salah, dia tahulah sama ada kita ambil tindakan atau tidak," katanya kepada para pemberita di rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di Seri Perdana semalam.

Ini adalah kenyataan pertama Perdana Menteri berhubung perkenan ras-

mi yang diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong ke atas rang undang-undang tersebut pada awal minggu ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail menerima salinan rang undang-undang itu yang telah siap ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong pada Isnin lalu. Tarikh Sultan Azlan Shah menandatangani rang undang-undang itu ialah 22 Mac 1993.

Perkenan ke atas rang undang-undang yang mengandungi beberapa pengubahsuaian yang telah dipersetujui bersama oleh kerajaan dan Majlis Raja-Raja itu diberikan enam hari selepas ia dihantar ke Istana Negara pada 16 Mac.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan sungguh gembira dan bersyukur kerana usaha untuk menghadkan imuniti raja-raja Melayu telah berakhir dengan selamat dan selesai tanpa sebarang gangguan.

Beliau berkata, Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong akan diwartakan secepat mungkin untuk dijadikan satu akta yang boleh dikuatkuasakan secara sah.

Beliau juga berkata, pi-

hak kehakiman juga sedang membuat persediaan untuk menyediakan prosedur perjalanan Mahkamah Khas yang akan ditubuhkan di bawah peruntukan pindaan Perlembagaan Persekutuan itu.

Kerajaan Pusat memulakan usaha untuk memansuhkan imuniti peribadi raja-raja Melayu pada akhir tahun lalu selepas jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez mengadu diserang oleh Sultan Johor.

Pemansuhan

Sidang khas Parlimen diadakan pada 18, 19 dan 20 Januari untuk membincangkan pemansuhan imuniti raja-raja itu walaupun persidangan khas Majlis Raja-Raja yang bermesyuarat pada pagi 18 Januari menolak memberi perkenan kepada rang undang-undang itu.

Bagaimanapun kira-kira tiga minggu kemudian Majlis Raja-Raja sebulat suara memberi perkenan kepada cadangan untuk menghapuskan imuniti raja-raja dengan memasukkan beberapa pengubahsuaian yang dipersetujui bersama antara raja-raja dengan kerajaan.

Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengadakan sidang khas sekali lagi

pada 8, 9 dan 10 Mac untuk memperakukan pengubahsuaian berkenaan sebelum rang undang-undang itu dipulangkan semula kepada Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mac untuk diperkenankan.

Sultan Kelantan dan pemimpin-pemimpin Parti Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan secara terbuka penentangan mereka terhadap rang undang-undang itu sungguhpun ia mendapat perkenan rasmi Yang di-Pertuan Agong.

"Semangat 46 ini ada berapa orang ahli sahaja... dia (anggota-anggota Semangat 46) adalah golongan minoriti," kata Dr. Mahathir ketika diminta mengulas pendirian parti pembangkang itu yang hanya mempunyai enam orang wakil di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri enggan mengulas apabila ditanya oleh para pemberita sama ada penentangan pemimpin-pemimpin parti pembangkang itu adalah satu bentuk tindakan yang menghina undang-undang.

"Saya tidak mahu mengulas soal ini pada hari baik bulan baik ini," tegas Dr. Mahathir.